

Strategi Pengajaran Kefahaman dengan Menggunakan Bahan Visual

Mohamed Zain Mohamed

mohamed_zain_b_mohamed@moe.edu.sg

Nur Ashikin Sapri

nur_ashikin_sapri@moe.edu.sg

Sekolah Perempuan Tanjong Katong

Abstrak

Pelajar kerap menghadapi masalah dalam memahami teks dan menjawab soalan kefahaman. Dalam masa yang terhad, mereka harus melengkapkan tugas membaca teks, memahami isi kandungannya dan menjawab soalan. Bagi memahami teks dan menjawab soalan, mereka perlu memahami bahasa yang digunakan dalam teks dan kosa kata yang digunakan. Melalui pemerhatian guru dan penilaian kelakonan pelajar dalam ujian dan peperiksaan, guru mendapati bahawa pelajar mempunyai masalah menjawab soalan kefahaman dengan baik. Satu usaha telah dilakukan untuk membantu pelajar dalam menjawab soalan kefahaman. Bahan Visual jenis *Infographics* telah dikenal pasti dapat membantu pelajar yang secara amnya merupakan pelajar visual. Alat bantu mengajar ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam memahami teks dan menjawab soalan dengan menggunakan strategi pembacaan yang berkesan, dibantu oleh bahan visual atau infografik. Dapatan awal menunjukkan pelajar telah meraih manfaat daripada strategi ini.

Kata Kunci: kefahaman, infografik, bahan visual



PENGENALAN

Secara umumnya, pembelajaran merujuk kepada cara kita melihat dan memahami dunia, mengenai cara kita membuat pengertian (*make meaning*) (Marton dan Booth, 1997). Dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, penghasilan pengertian ini boleh berlaku melalui proses membaca. Kemahiran membaca merupakan asas kepada pembelajaran dan pembinaan ilmu yang berkesan. Memahami apa yang dibaca adalah subset kepada membaca. Kemahiran kefahaman membaca boleh diajar kepada pelajar dan boleh diaplikasikan dalam semua mata pelajaran. Strategi kefahaman membaca yang berkesan membantu pengajaran dan pembelajaran berkesan. Salah satu kaedah yang boleh digunakan untuk membantu pelajar dalam latihan kefahaman ialah penggunaan infografik.

Sejak dahulu kala lagi, manusia telah menggunakan gambar untuk berkomunikasi. Tamadun Sumeria menggunakan gambar untuk tujuan pengekodan, dan tamadun Mesir purba menggunakan *hieroglyphics* untuk merakam sejarah. Infografik merupakan visualisasi data atau idea yang cuba menyampaikan informasi atau idea yang kompleks menjadi lebih sederhana dan mudah difahami pembaca (Smiciklas, 2012). Proses pembuatan infografik disebut data *visualisation* (visualisasi data), *information design* (perekaan informasi) atau *information architecture* (pembinaan informasi). Bentuk infografik yang digunakan dalam kajian ini ialah infografik statik yang berbentuk diagram bergambar.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini dilakukan untuk meninjau sejauh mana:

1. pelajar boleh menggunakan pengetahuan latar belakang mereka dengan strategi yang berbeza untuk membantu mereka memahami maksud teks kefahaman;
2. pelajar boleh belajar menggunakan strategi menyoal untuk memahami maksud teks kefahaman; dan
3. guru boleh menyediakan dan melengkapkan pelajar dengan pelbagai kemahiran.



PERNYATAAN MASALAH

Kefahaman bacaan ialah satu kemahiran yang sangat penting dalam menentukan kejayaan pembelajaran, dan seterusnya daya intelek pelajar. Masalah yang dilihat ialah pelajar kurang memahami apa yang dibaca dan tahap pemahaman mereka rendah. Pelajar yang bermasalah dalam kefahaman bacaan akan mengalami masalah dalam prestasi pencapaian bahasa Melayu. Kefahaman ialah proses yang bermula daripada membaca, mengamati perkataan yang terdapat dalam teks yang dibaca sehinggalah terbentuknya makna berdasarkan pengamatan yang dilakukan. Hal ini bukanlah satu perkara yang mudah bagi pelajar yang mempunyai masalah dalam kemahiran memahami bahan bacaan walaupun mereka boleh membaca.

Proses pemahaman yang berkesan adalah sangat penting dijalankan secara eksplisit dan terancang oleh guru untuk kesan yang mendalam dalam prestasi pencapaian bahasa Melayu agar keberkesannya jelas tergambar melalui ujian dan peperiksaan. Satu cara para pendidik dapat membantu pelajar meningkatkan kefahaman bahan bacaan adalah dengan memantau dan mengkaji pemahaman dalam bacaan atau dinamakan meta pemahaman (Standiford, 1984). Keupayaan memproses kefahaman mungkin disebabkan para pelajar tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi tentang strategi membaca yang betul. Kemungkinan juga para pelajar ada yang mempunyai serba sedikit pengetahuan dan pengalaman berkaitan strategi bacaan tetapi tidak tahu cara mengaplikasikannya agar lebih efisien. Ini menunjukkan bahawa mereka tidak tahu menilai sejauh mana mereka faham dan aspek yang penting ini dinamakan aspek pemantauan pemahaman.

Aspek pemantauan pemahaman yang dilakukan semasa menjawab soalan juga perlu dikaji kaitannya dengan kejayaan kefahaman bacaan seseorang. Sekiranya para pelajar sedar proses berfikir yang dilakukan itu, iaitu seperti tujuan membaca, sejauh mana memahami petikan yang dibaca, bagaimana cara untuk mendapatkan isi penting, tahu cara memahami petikan; maka para pelajar itu dapat mengawal dan mengawasi pemahamannya dengan mengambil langkah mengatasi perkara-perkara yang menghalang kefahamannya dan seterusnya menjejaskan prestasi pencapaian bahasa Melayu. Justeru itu, peranan kemahiran berfikir atau dikenali sebagai metakognitif inilah juga disebut "*thinking about thinking*" oleh Flavell (1979).



Sehubungan itu, sebelum para pelajar didedahkan dengan pengajaran tentang kefahaman bacaan secara spesifik, satu kajian awal perlu dilakukan untuk melihat sejauh mana kefahaman dan pengetahuan mereka dalam strategi bacaan dan dengan tahap kefahaman tersebut melihat pula sejauh mana prestasi pencapaian bahasa Melayu yang dapat ditunjukkan.

KAJIAN LEPAS

Infografik menjadi pendekatan yang semakin popular untuk menyampaikan kandungan dalam bentuk visual. Namun, penggunaan infografik bukanlah baharu. Visualisasi data telah wujud sekian lama dalam bentuk peta dan ilustrasi lain (Dunlap dan Lowenthal, 2012).

Infografik boleh menjadi pendekatan visual yang berkesan untuk menyampaikan informasi dan menyokong pemahaman konsep kerana manusia “melihat” dengan akal mereka (Smicklas, 2012). Lebih jelas sesuatu visual itu, maka kemungkinan besar visual itu akan mudah dikenal pasti dan diingat, lantas menjadikan kesan pandang suatu alat yang cukup berkesan dalam pembelajaran (Medina, 2008). Sebagai contoh, teori kelebihan gambar Nelson menyatakan cara seseorang mempelajari konsep dengan lebih mudah dengan melihat gambar berbanding membaca teks sahaja. Ini adalah kerana akal manusia sememangnya dicipta sedemikian rupa untuk mengenal pasti gambar dengan mudah (Clark dan Mayer, 2011). Tambahan pula, teori Paivio (1971) mengenai proses dwikod menyatakan bahawa apabila seseorang memandang sesuatu imej, mereka mengekodkan informasi dengan kod lisan dan kod imej seraya mengaktifkan berbilang saluran saraf untuk mendukung ingatan.

Daripada perspektif pengajaran, infografik membantu perhatian, mengurangkan beban kognitif, menghasilkan artifak yang menyenangkan dan mampu merangsang (Clark dan Lyons, 2010). Dalam konteks pengajaran, infografik yang berkesan dapat menjadi alat bantu mengajar, penyusun idea, peta minda dan ringkasan kandungan.

Sebuah infografik yang berkesan menyampaikan inti sesuatu mesej tanpa memerlukan seseorang membaca teks yang berkaitan secara terperinci



(Ware, 2012). Ini bermakna seseorang pembaca dapat menentukan isi pokok sesebuah infografik sekilas pandang. Infografik sering digunakan apabila jadual, carta atau teks itu sendiri tidak dapat menyampaikan mesej yang jelas dan jitu.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini juga dijalankan oleh dua orang guru yang bukan sahaja ahli PLT (*Professional Learning Team*) Jabatan Bahasa Ibunda bahkan mengajar mata pelajaran ini dan pelajar-pelajar tersebut. Hal ini diharapkan dapat menangani faktor masa yang membatasi kajian ini. Dapatan yang diperoleh oleh dua orang guru ini akan dicatat, dibincangkan dan diteliti perbandingannya mengikut golongan kemahiran serta langkah-langkah yang dijalankan dalam tiga proses; praintervensi, intervensi dan pascaintervensi.

Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan pelajar-pelajar Melayu Menengah 1 daripada aliran Bahasa Melayu dan Bahasa Melayu Lanjutan. Daripada dua kumpulan ini, tiga orang pelajar yang mewakili golongan HA-MA-LA (kemahiran tahap tinggi, kemahiran tahap sederhana dan kemahiran tahap rendah) telah dikenal pasti. Hal ini dilakukan untuk memantau markah mereka dan melihat sejauh mana langkah intervensi berjaya membantu pelajar daripada tahap kemahiran yang berbeza.

Prosedur Kajian

Kajian yang akan dijalankan ini merupakan satu kajian tindakan inisiatif Jabatan Bahasa Ibunda (Bahasa Melayu dan Tamil) untuk projek tahunan PLT (*Professional Learning Team*) tahun 2015. Kajian ini telah dijalankan selama tiga minggu pada penggal pertama sekolah. PLT Jabatan Bahasa Ibunda perlu mengenal pasti '*Area of Concern*' untuk dikaji pada tahun 2015 dan kemahiran pemahaman merupakan pilihan sekata yang telah dipilih untuk memperlengkap pelajar dengan kemahiran-kemahiran befikir abad ke-21.



Langkah pertama adalah mengusulkan ‘*Area of Concern*’ kepada pengetua sekolah melalui koordinator PLT. Setelah usulan kajian ini diterima, surat pemberitahuan dan kebenaran diberikan kepada ibu bapa atau waris pelajar bagi menerangkan tentang matlamat kajian untuk mendapatkan persetujuan mereka. Pelajar-pelajar akan terlibat dalam kajian yang memakan masa tiga minggu ini. Tiga orang pelajar daripada kumpulan tersebut yang telah dikenal pasti untuk mewakili golongan tahap kemahiran tinggi, sederhana dan rendah tidak dimaklumkan. Hal ini adalah kerana, guru tidak mahu menyediakan persekitaran yang kurang selesa dan khuatir ia akan mengganggu dapatan kajian dengan faktor-faktor luaran yang tiada kaitan dengan tujuan kajian.

Instrumen Kajian

Kajian yang berbentuk kualitatif ini menggunakan pemerhatian guru dan pengumpulan data hanya dilakukan melalui pemantauan markah ujian semester dan ujian berterusan yang diperolehi oleh tiga golongan pelajar HA-MA-LA. Kajian ini dilaksanakan dalam tiga minggu menggunakan tiga proses; praintervensi, intervensi dan pascaintervensi. Dalam langkah praintervensi, guru memberikan pelajar teks pemahaman sesuai dengan aliran mereka iaitu aliran Bahasa Melayu dan Bahasa Melayu Lanjutan dan pelajar membincangkannya secara bebas tanpa diajarkan dengan teknik-teknik pemikiran atau dipandu dengan sebarang rangsangan. Setelah membaca teks pemahaman dengan senyap dan kemudian membincangkan pandangan mereka tentang teks, pelajar akan cuba menjawab soalan-soalan yang mengikutinya.

Guru akan menyemak hasil kerja pelajar dan hanya akan memulangkannya pada akhir minggu proses pascaintervensi. Kemudian pada minggu kedua dalam proses intervensi, guru akan mengajarkan Strategi Pemahaman Teks yang dibantu Infografik. Guru akan memberikan teks-teks singkat yang sesuai dengan rangsangan-rangsangan dalam infografik sebagai latihan dalam kelas. Pada minggu ketiga pula pelajar perlu menggunakan rangsangan-rangsangan dalam infografik yang telah diajarkan. Guru memberikan teks pemahaman yang sama. Teks pemahaman yang sama diberikan agar respons pelajar dapat dipantau dan dikaji.



Guru-guru pada mulanya bimbang untuk memberikan teks yang sama kerana merasakan bahawa pemahaman pelajar akan lebih baik atas alasan lebih mengenali teks tersebut. Namun, guru-guru juga merasakan bahawa memberikan teks yang berbeza akan memberikan respons yang berbeza dan mengganggu dapatan kajian. Guru-guru mengumpulkan hasil kerja pelajar yang kedua ini dan meneliti jawapannya. Kemudian guru membandingkan hasil kerja pelajar dan meneliti dapatan kajian tersebut.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Apabila pemikiran boleh “dilihat” di dalam kelas, pelajar berada dalam kedudukan yang lebih metakognitif, untuk berfikir tentang pemikiran mereka. Apabila pemikiran boleh “dilihat”, ia menjadi jelas bahawa sekolah bukan tentang menghafal kandungan tetapi meneroka idea-idea. Guru-guru akan dapat manfaatnya apabila mereka dapat melihat pemikiran pelajar kerana salah faham, pengetahuan sedia ada, keupayaan penaakulan, dan darjah kefahaman lebih mudah untuk ditemui. Guru kemudian boleh menangani cabaran-cabaran ini dan meluaskan pemikiran pelajar dengan berbekalkan pengetahuan-pengetahuan ini.

Rajah 1: Strategi Pemahaman Teks



Rajah 2: Bahan 'Apakah Yang Kamu Fikirkan?'

Apakah Yang Kamu Fikirkan?

PEMBACA YANG BAIK MEMBUAT REFLEKSI SELEPAS MEMBACA TEKS.



Saya tahu mengenai....
Saya membuat kesimpulan
Saya mencatatkan perkataan
baharu yang saya pelajari
Mencari makna perkataan
yang saya tidak ketahui.

Rajah 3: Mencari Idea!

MENCARI IDEA!



- Menandakan kata kunci
- Menandakan frasa utama
- Menandakan idea utama
- Menandakan idea sampingan
- Mengaitkan maklumat yang ada
- Membuat ringkasan

Rajah 4: Mari Pantau!

MARI PANTAU!



- Membacanya dengan perlahan
- Membaca teks sekali lagi
- Mengenal pasti perkataan yang payah
- Berhenti untuk berfikir
- Meneliti semula pemahaman saya

KESIMPULAN

Apabila seorang guru sudah yakin bahawa penggunaan infografik memang bermanfaat dalam pengajaran, beliau harus sedar bahawa infografik bukanlah setakat “info + grafik”. Pembinaan infografik sebenarnya suatu proses naratif yang melibatkan representasi dan Intepretasi untuk mengembang dan menyampaikan sesuatu idea yang kompleks secara sederhana (Franchi, 2012).

Bahan visual atau Infografik yang berkesan bergantung kepada elemen visual dan struktur, berbanding teks untuk menyampaikan sesuatu maksud. Sebenarnya, bentuk visual dalam infografik bukanlah semata-mata bersifat hiasan, namun yang lebih penting lagi digunakan untuk menyampaikan isi kandungan yang penting kepada representasi dan Intepretasi bahan pengajaran. Natijahnya, perancangan yang teliti diperlukan untuk membina elemen visual dan masa perlu diluangkan untuk menilai sama ada elemen visual tersebut benar-benar tepat untuk menyampaikan maksud bahan pengajaran kepada pelajar.

Nota:

Guru lain yang terlibat dalam kajian ini:

1. Alena Puhari



RUJUKAN

- Clark, R. C., & Mayer, R. E. (2011). *e-Learning and the science of instruction: Proven guidelines for consumers* (3rd ed.). San Francisco, CA: John Wiley & Sons.
- Clark, R. C., & Lyons, C. (2010). *Graphics for learning: Proven guidelines for planning, designing and evaluating visuals in training materials*. San Francisco, CA: Pfeiffer.
- Dunlap, J. C., & Lowenthal, P. R. (2012). Getting graphic about infographics: Design lessons learned from popular infographics. *Journal of Visual Literacy*.
- Flavell, J. H. (1979). Metacognition and cognitive monitoring: A new area of cognitive-developmental inquiry. *American Psychologist*, 34, 906 - 911.
- Marton, Ference & Booth, Shirley (1997). *Learning and awareness*. NJ: Psychology Press.
- Medina, J. (2008). *Brain rules: 12 principles for surviving and thriving at work, home, and school*. Seattle, WA: Pear Press.
- Paivio, A (1971). *Imagery and verbal processes*. New York: Holt, Rinehart, and Winston
- Smiciklas, Mark. (2012). *The Power of Infographics: Using Pictures to Communicate and Connect with Your Audiences*. UK: Que Publishing
- Standiford, Sally N. (1984). *Metacomprehension*. US: ERIC Clearinghouse.
- Ware, C. (2012). *Information visualization: Perception for design*. Waltham, MA: Elsevier.

